

MB: Sistem ^{um > (/)} perparitan Johor diselia baik

JOHOR BAHRU 20 Jan. - Pengurusan sistem perparitan dan saliran di Johor telah diselia dengan baik sejak 30 tahun lalu namun ia tidak berkeupayaan untuk menampung limpahan air yang berlaku akibat hujan luar biasa.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, peruntukan yang tinggi telah disalurkan untuk kerja-kerja menyelenggara sistem perparitan dan saliran di negeri Johor sebanyak empat kali setahun.

"Bayangkanlah, jumlah hujan yang biasanya turun selama empat bulan telah turun dalam masa tiga hari.. dalam keadaan ini, sistem yang ada tidak mampu untuk menampungnya.

"Sedangkan, selama 30 tahun sebelum ini, sistem perparitan dan saliran yang sedia tidak menghadapi sebarang masalah dan kami berjaya menguruskannya dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Sambutan Maal Hijrah Tahun 1428 peringkat negeri Johor di Kompleks Islam Negeri Johor di sini hari ini.

Menurut beliau, bagi kawasan Batu Pahat, keadaan banjir yang berterusan di kawasan tersebut tidak dapat dielakkan kerana kebanyakan penempatan terletak di kawasan-kawasan yang rendah.

Katanya, kebanyakan kampung-kampung di daerah itu juga terletak berhampiran dengan hilir sungai-sungai di negeri Johor termasuk Sungai Batu Pahat, Sungai Sembrong, Sungai Simpang Kiri dan Sungai Simpangan kanan.

"Pihak kerajaan negeri telah pun membina tiga empangan untuk menakung air di kawasan tersebut namun kapasiti di empangan-empangan itu tidak dapat menampung air yang terlalu banyak sehingga mencecah paras bahaya," katanya.